

**This document is downloaded from DR-NTU (<https://dr.ntu.edu.sg>)  
Nanyang Technological University, Singapore.**

---

AMIC-CAF Workshop on Rural Reporting : Malacca,  
Sep 25-29, 1989 : [address]

Haji Taib Ahmad

1989

<https://hdl.handle.net/10356/91529>

---

*Downloaded on 27 Apr 2025 17:07:52 SGT*

**Address**

**By**

**Haji Taib Ahmad**

11

..... (wakil kerajaan Melaka).

Dr. Victor Valbuena, wakil AMIC.

Haji Zaihan Mahmud, Pengarah IAM.

Saudara Saudari sekalian.

Assalamualaikum, salam bahagia dan selamat pagi.

yang bertugas

Saya berterima kasih kepada pihak penganjur Bengkel Pemberitaan Luar Bandar ini, iaitu Institut Akhbar Malaysia dan AMIC, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan kata-kata aluan di Majlis Perasmian Bengkel ini bagi pihak Institut Akhbar Malaysia di mana saya duduk sebagai ahli Majlis Pentadbir mewakili Utusan Melayu (M) Berhad.

Penglibatan saya dalam Institut ini menjangkau masa yang agak panjang dan saya telah mengikuti perkembangannya tahun demi tahun. Usaha mengadakan bengkel seperti ini amatlah baik dan patut digalakkan jika ada kemampuan dari segi kewangan dan tenaga oleh pihak penganjur. Dengan demikian pemberita atau wartawan yang bertugas di luar bandar juga berpeluang mengikut kursus seperti ini dan tidaklah peluang itu terbuka hanya kepada wartawan yang bertugas dalam bandar.

Saya difahamkan bengkel ini merupakan kali ketiga diadakan di bawah anjuran bersama Institut Akhbar Malaysia dengan AMIC. Bengkel pertama di Kuching pada 1988 dan kedua di Pulau Pinang awal tahun ini. Kira-kira 50 orang pemberita telah menerima faedah daripada Bengkel seperti ini sejak siri Bengkel Pemberitaan

Luar Bandar ini diadakan di Kuching. Sudah sewajarnya Institut Akhbar Malaysia menganjurkan bengkel seperti ini, dengan kerjasama penajanya atau bersendirian, kerana tujuan utama IAM ialah meningkatkan lagi prestasi dan kemahiran kaum wartawan sama ada yang bertugas di luar bandar atau di dalam bandar.

Saudara Saudari,

Biasanya pembaca akhbar menganggap wartawan yang bertugas di bandar-bandar sahaja yang selalu berpeluang mendapat berita besar (headline news) atau mendapat by-line pada berita-berita mereka, sebenarnya, wartawan yang bertugas di luar bandar juga boleh dan berpeluang mengeluarkan berita besar asalkan mereka cekap, cergas dan bijaksana dalam mencari dan mengolah berita.

Ada banyak contoh yang menunjukkan berita-berita besar yang dipaparkan dalam akhbar berpunca dari kawasan di luar bandar. Sebagai satu contoh yang baik baru-baru ini tersiar berita orang tahanan yang bebas bergerak di luar penjara didedahkan oleh sebuah akhbar keluaran siang di Kuala Lumpur. Kemudian berita-berita itu tersebar luas melalui akhbar-akhbar lain keluaran pagi. / Suatu masa dahulu pernah juga tersiar berita-berita besar menceritakan penyelewengan projek-projek pembangunan dan sebagainya. Pendek kata peluang untuk memaparkan berita-berita besar itu sentiasa ada di mana saja asalkan pemberita atau wartawan bijak menjalankan tugasnya.

Suatu hal <sup>lagi</sup> yang ingin saya nyatakan kepada saudara saudari sekalian ialah berkenaan tanggungjawab kita sebagai wartawan yang mempunyai peranan menyampaikan maklumat kepada pembaca. Dalam hal ini saya

Berita besar ini sebenarnya berpunca dari kawasan luar bandar.

ingin menarik perhatian para peserta sekalian kepada kod etika kewartawanan atau Tatasusila Kewartawanan Malaysia yang telah diumumkan baru-baru ini. Kod etika ini menjadi pegangan dan pedoman kita sebagai wartawan dalam tugas menjalankan tugas seharian. Jika kita mematuhi dan menghormati serta menghayati kandungannya maka dapatlah kita mengekalkan imej di mata orang ramai sebagai wartawan yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Setakat ini belum ada sesuatu badan yang mengawal kaum wartawan supaya mematuhi kod etika ini. Terserahlah kepada kaum wartawan sendiri untuk menghormati kod etika ini tanpa desakan, gesaan atau kawalan dari mana-mana pihak. Kandungan kod etika yang ke-8, iaitu "Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesyen mereka" hendaklah dihayati atau benar-benar supaya wartawan/pertubuhan yang diwakili tidak terseret ke dalam kes mahkamah. Saya perhatikan dari jadual kursus yang ada pada para peserta Bengkel ada <sup>satu</sup> sesi mengenai kod etika kewartawanan.

Akhir sekali bagi pihak Institut Akhbar Malaysia saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil kerajaan Melaka.....?..... yang telah sudi hadir dalam majlis pada pagi ini dan merasmikan Bengkel Pemberitaan Luar Bandar ini. Kepada para peserta Bengkel saya percaya saudara/saudari akan mengikuti kuliah-kuliah kursus dengan penuh minat dan perhatian kerana dengan demikian saudara/saudari akan mendapat faedah dari menghadiri Bengkel ini.

Terima kasih.